

Karnival Pendidikan Tinggi 'Jom Masuk IPT' beruk maklumat tepat



Orang ramai tidak seharusnya melepaskan peluang mendapatkan maklumat berkaitan penawaran program akademik yang ditawarkan

Buka peluang sambung pengajian

KUANTAN - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2018 untuk Zon Pahang, Sabtu dan Ahad ini.

Karnival berkenaan menyediakan pelajar sekolah menengah, kepastan diploma dan setaraf, ibu bapa, guru, komuniti setempat bagi merubut peluang menyambung pengajian tinggi.

Karnival berkenaan memberi peluang kepada

lepasan pelajar mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Malah, ia juga peluang kepada lepasan kelulusan setaraf di peringkat pengajian program asasi, diploma, ijazah pertama di universiti awam dan swasta serta sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Professor Datuk Ts. Dr. Rosli Mohd Yunus selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana program berkenaan berkata, KPTN di bawah KPT merupakan medan dan ruang saluran hebahatan utama bagi menyebarkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi dalam negara.

"Ia juga sebagai hebahatan kepada calon-calon pelajar pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara bagi sesi kemasukan 2018/2019 serta merupakan platform yang memberi kemudahan kepada orang ramai bagi mendapatkan maklumat penawaran program akademik yang ditawarkan 20 universiti swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, institusi Latihan Kemahiran Awam



Karnival diadakan di Kompleks Sukon UMP Gambang bermula 9 pagi hingga 5 petang. Maklumat lanjut hubungi Sekretariat KPTN2018 atau Bahagian Pemasaran & Pengiklanan Pelajar (09-4245268) atau emel intake@ump.edu.my

(ILKA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTIS) dan 'insitansi lain', katanya.

Beliau berkata, terdapat lebih 100 gerai pameran akan dibuka selama dua hari karnival berlangsung dengan penyertaan daripada seramai 20 U.A. IPT terpilih, pembiahy pendidikan dan lain-lain agensi berteraskan pendidikan.

"Meriahkan program, UMP mengadakan aktiviti Larian Jom Masuk IPT, program Street Science @ Colliery, Iron Talk, Career Talk, Edu Tour, penerbitan kebudayaan, pameran, gerai kesusahawanan dan banyak lagi," katanya di sini, semalam.

Dr Rosli berkata, Lebih menarik pelajar berpindah berganti pengalaman dengan Datuk Ts. Wan Nazri Wan Aris

yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Gruppe Consultant dan Tunku Umar Mohamed, Pengerusi Kanan (Pengurusan Operasi & Penyelenggaraan) Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.

Selain itu, turut diadakan perkongsian pengalaman bersama alumni UMP; Mohd Najib Razali yang kini merupakan Pensiunan Bahagian Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dan merupakan Penyelidik yang berjaya menghasilkan produk G-Treat iaitu formulasi bahan semula jadi untuk rawatan sisa air berlimpah dari industri, malah terpilih sebagai finalis Skema Pemuliharaan Usahawan Bumiputera (Superb) kelulusan pihak Unit Penerima Agenda Bumiputera (Teraju) tahun lalu.

"Orang ramai seluruh negeri Pahang dan Pantai Timur serta negeri-negeri bersempadan hendaklah mengambil peluang keemasan ini bagi meraih pelbagai maklumat dalam menentukan arah pengajian tinggi masing-masing.

"Selok-parga aktiviti lain turut dijadualkan sebagai pengisian KPTN 2018, antaranya pengisian UPI online, pameran sains dan inovasi, pembiayaan pendidikan menerusi ceramah serta booth Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeras dan Kementerian Kesihatan.



DR ROSLI